

SOALAN NO: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING]**  
**TARIKH : 7 NOVEMBER 2017**  
**SOALAN : 42**

**YB Tuan Nga Kor Ming [Taiping]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci senarai hospital yang kini sedang mengalami kelewatan pembinaan:-

- a) berapakah peruntukan tambahan yang diperlukan untuk menyempurnakan hospital-hospital ini secara satu per satu ; dan
- b) apakah punca masalah ini timbul.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memandang berat isu kelewatan projek-projek pembangunan terutamanya yang melibatkan pembinaan Hospital dan Klinik baharu. KKM juga sedar bahawa kelewatan penyiapan projek tersebut akan mengakibatkan kelewatan dalam memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada masyarakat.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sesuatu projek dikategorikan sebagai projek sakit apabila kemajuan kerja telah mengalami kelewatan melebihi dua (2) bulan atau 20% (mengikut mana yang terdahulu) berbanding jadual yang ditetapkan dalam kontrak dan kontraktor adalah tidak berupaya untuk memperbaiki prestasinya.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, bagi pembinaan fasiliti kesihatan, pihak KKM telah melantik Agensi Teknikal iaitu pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk melaksanakan projek-projek fasiliti kesihatan.

Antara faktor kelewatan berlaku adalah seperti berikut:

1. Perubahan kerja disebabkan keadaan tapak
2. Kekurangan pekerja di tapak
3. Kelemahan strategi pengurusan pembinaan pihak kontraktor dalam mengoptimumkan sumber di tapak
4. Pembinaan yang tidak mengikut perancangan
5. Pemilihan kontraktor/sub kontraktor yang tidak kompeten

Antara tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak KKM dan JKR adalah:

1. Mengeluarkan surat peringatan dan amaran kelewatan untuk menunjukkan kedudukan kemajuan projek
2. Mengadakan pemantauan khusus bagi projek bermasalah
3. Mengadakan mesyuarat koordinasi secara mingguan bagi menyelesaikan isu-isu di tapak dan memantau pencapaian kontraktor berbanding sasaran kerja.
4. Mengkaji semula work program dan memastikan pihak kontraktor mengikut pelan pemulihan yang ditetapkan.

Bagi memastikan projek-projek pembangunan KKM pada masa hadapan dapat disiapkan mengikut jadual, Mesyuarat National Development Projects Intervention Committee (NDPIC) telah bersetuju supaya kaedah Pra-Kelayakan (Pre-Q) dilaksanakan agar kontraktor yang benar-benar kompeten dari segi kepakaran, kewangan dan pengalaman dilantik bagi melaksanakan projek-projek pembinaan hospital di masa akan datang.

Mesyuarat juga bersetuju supaya JKR menyediakan senarai *high performance contractors* sebagai rujukan khususnya bagi perolehan projek-projek pembinaan hospital.

Pihak Kementerian Kewangan (MOF) juga telah menetapkan supaya kontraktor hendaklah berdaftar dengan pihak CIDB di bawah butiran B29.

Tindakan selanjutnya pihak Kementerian Kerja Raya (KKR), KKM dan MOF sedang memantapkan lagi *Term of Reference* (TOR) perunding-perunding yang terlibat dalam pembinaan fasiliti kesihatan agar perunding yang berpengalaman dilantik untuk melaksanakan projek-projek fasiliti kesihatan.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Antara projek-projek yang berstatus projek sakit adalah seperti berikut:

#### **Hospital Sri Aman**

Untuk makluman, Projek Hospital Sri Aman (108 Katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Projek ini dilaksanakan di dalam 2 Fasa dan perinciannya adalah seperti berikut:

#### **Fasa 1: Kerja-Kerja Tanah dan Rawatan Tanah**

Kos Projek : RM8,434,391.09  
Kaedah Pelaksanaan : Konvensional Perunding  
Kaedah Perolehan : Tender Terbuka  
Kontraktor : Golden Matrix Sdn. Bhd.  
Tarikh Milik Tapak : 30 Julai 2012  
Tarikh Siap Sebenar : 29 Ogos 2013

Fasa 2: Kerja Bangunan dan Kerja Berkaitan

Kos Projek : RM213,155,864.42  
Kaedah Pelaksanaan : Konvensional Perunding  
Kaedah Perolehan : Tender Terhad  
Kontraktor : Faltech Engineering Sdn. Bhd. JV Welfield Services Sdn. Bhd.  
Tarikh Milik Tapak : 26 Oktober 2015  
Tarikh Siap Semasa : 25 Oktober 2018  
Kemajuan Projek : Jadual: 66 %  
(sehingga September 2017) Sebenar: 40 % (Lewat 218 hari)

95

Sebab-sebab : 1) Pertukaran cerucuk *RC Square (Reinforced Concrete Square Pile)* kepada cerucuk spun akibat kekurangan bekalan cerucuk *RC Square*.

Kelewatan Projek : 2) Perubahan jenis cerucuk *spun* kepada *micropile* akibat penemuan *Hard Soil Layer* pada bangunan Kwarters Pegawai sewaktu pembinaan.

3) Bilangan pekerja dan aktiviti semasa adalah tidak mencukupi untuk tujuan pemulihan kerja.

4) Kelemahan strategi pengurusan pembinaan pihak kontraktor dalam mengoptimumkan sumber di tapak

Tindakan yang telah : 1) Mesyuarat Jawatankuasa *Problem Solving* Diambil oleh pihak *Governance (PSG)* JKR pada 7 September 2017 telah menetapkan pencapaian minimum pihak kontraktor untuk bulan September ke atas adalah 4.5%. Sekiranya gagal, Pegawai Penguasa (PP) dikehendaki untuk mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan kehendak kontrak.

JKR : 2) Mengadakan mesyuarat koordinasi secara mingguan bagi menyelesaikan isu-isu di tapak dan memantau pencapaian kontraktor berbanding sasaran kerja.

- 3) Mengeluarkan surat peringatan dan amaran kelewatan untuk menunjukkan kedudukan kemajuan projek
- 4) Mesyuarat Jawatankuasa Lanjutan Masa JKR pada 13 September 2017 menjelaskan kontraktor mempunyai asas untuk dipertimbangkan pemberian lanjutan masa.

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Projek Hospital Petrajaya**

Untuk makluman, Projek Hospital Petrajaya (300 Katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Perincian pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

Kos Projek : RM500,000,000.00  
Kaedah Pelaksanaan : Reka dan Bina  
Kaedah Perolehan : Rundingan Terus  
Kontraktor : Zecon Berhad  
Tarikh Milik Tapak : 30 Mei 2013  
Tarikh Siap Semasa : 30 Jun 2018  
Kemajuan Projek : Jadual: 29.15 %  
(sehingga September 2017) : Sebenarnya: 27.55 % (Lewat 410 hari)

- Sebab-sebab : 1) Masalah kekurangan pekerja di tapak masih  
Kelewatan Projek berlanjutan sehingga kini.
- 2) Kontraktor masih perlu membawa lebih ramai pekerja dari China untuk meningkatkan kemajuan kerja seni bina. Kontraktor masih belum menambah kumpulan kedua pekerja dari China yang dijanjikan dalam bulan Julai 2017.
- 3) Kontraktor perlu menambah lebih ramai pekerja untuk kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal (M&E), Sivil dan Struktur.
- Tindakan yang telah : 1) Mengeluarkan surat amaran mengenai kemajuan  
Diambil oleh pihak kerja.  
JKR
- 2) Memantau pelan kerja pemulihan kontraktor.
- 3) Pengarah Projek telah mengeluarkan Notis untuk mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) pada kadar RM89,506.85/sehari pada 25 Mei 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

**Projek Hospital Rembau**

<b>NAMA PROJEK</b>	Cadangan Hospital Rembau, Negeri Sembilan (76 Katil), (Fasa II: Kerja Bangunan dan Kerja-Kerja Lain Berkaitan)
<b>NAMA KONTRAKTOR</b>	SEIE ENGINEERING SDN. BHD.
<b>KAEDAH PEROLEHAN DAN PELAKSAAN</b>	TENDER TERBUKA / KONVENSIONAL PERUNDING
<b>AGENSI PEMILIK DAN PELAKSANA</b>	KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA / JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
<b>TARIKH SURAT SETUJU TERIMA (SST)</b>	02 OGOS 2013
<b>TARIKH MILIK TAPAK</b>	09 SEPTEMBER 2013
<b>TARIKH SIAP ASAL</b>	08 SEPTEMBER 2016
<b>TARIKH SIAP SEMASA</b>	29 DISEMBER 2017
<b>KOS KONTRAK ASAL / SEMASA</b>	RM96,969,582.25 / RM93,940,744.35
<b>TEMPOH DAN SEBAB EOT</b>	477 hari / Kelewatan dalam pengesahan isu rekabentuk dan Lukisan Pembinaan bagi Industrialised Building System (IBS)



**Punca kelewatan projek Hospital Rembau:**

- 1. Kelewatan kerja kontraktor terutama kerja arkitek.
- 2. Kelewatan kerja-kerja NSC. Namun sebahagian kelewatan ini adalah berpunca daripada kelewatan kerja kontraktor utama.
- 3. Percanggahan Lukisan Pembinaan dengan Kontrak yang menyebabkan pertambahan Harga Kontrak.

**Tindakan yang telah diambil:**

- 1. SURAT PERINGATAN PERTAMA bertarikh 14 Dis 2016.
- 2. SURAT AMARAN PERTAMA bertarikh 13 Mac 2017.
- 3. SURAT AMARAN KEDUA bertarikh 05 Jun 2017.
- 4. SURAT AMARAN KETIGA bertarikh 15 Ogos 2017.
- 5. Keputusan Mesyuarat JPPP Problem Solving Bil.1/2017 peringkat ICU JPM pada 21 Jun 2017
  - sasaran kemajuan bulanan adalah 5% minimum. Sekiranya tak dicapai, tindakan kepada tujuan penamatan akan diambil.
- 6. Keputusan Jawatankuasa Projek Sakit pada 29 Ogos 2017 yang dipengerusikan oleh TKPKR
  - Semakan permohonan EOT No.2 perlu dibuat ; sekiranya layak, wajar diberi (Semakan telah dilaksanakan; alasan tidak kukuh – kontraktor diminta kemukakan alasan lain.
  - Sekiranya tak layak, NUTP harus dikeluarkan.
- 7. Permohonan kelulusan kerja tambahan (KPK No.9 & 10) telah dimajukan kepada MOF, namun ada kuir dari mereka. Maklumbalas kuir sedang dalam proses untuk dijawab. Permohonan kelulusan tambahan yang selebihnya akan dikemukakan kepada MOF dalam masa terdekat.

Tuan Yang di-Pertua,

**Hospital Bera, Pahang**

**MAKLUMAT AM KONTRAK (KONTRAKTOR DITAMATKAN KONTRAK)**

<b>NAMA KONTRAKTOR</b>	Maju Jaya Pasarana Sdn. Bhd.
<b>HARGA KONTRAK ASAL</b>	RM88,000,000.00
<b>HARGA KONTRAK SEMASA</b>	RM86,481,087.00
<b>TARIKH SURAT SETUJU TERIMA (SST)</b>	20 Jun 2012.
<b>TARIKH MILIK TAPAK (TMT)</b>	10 Julai 2012
<b>TEMPOH KONTRAK</b>	30 Bulan
<b>TARIKH SIAP ASAL</b>	9 Januari 2015
<b>MAKLUMAT LANJUTAN MASA</b>	EOT 1 : 9.1.2015 – 19.10.2015 (283 hari) EOT 2 : 20.10.2015 - 27.12.2015 (69 hari) EOT 3 : 28.12.2015 - 28.4.2016 (123 hari) EOT 4 : 29.4.2016 - 29.11.2016 (215 hari)
<b>TARIKH SIAP SEMASA</b>	29 November 2016
<b>TARIKH NOTIS PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR</b>	8 Disember 2016

**ISU DAN MASALAH**

1. Pembinaan yang tidak mengikut perancangan
2. Kekurangan penyelia kerja struktur, civil dan arkitek di tapak
3. Tiada koordinator untuk kerja-kerja mekanikal dan elektrik
4. Tiada pegawai perancang di tapak
5. Pertukaran sub kontraktor
6. Pemilihan sub kontraktor yang tidak kompeten
7. Bencana banjir 2014

## NOTA

Kemajuan projek oleh kontraktor terdahulu sehingga proses penamatan dilaksanakan adalah **57% (sebenar)** berbanding **100% (jadual)**, manakala status kemajuan kewangan **54.6% (sebenar)** berbanding **100.00% (jadual)**.

Bayaran Sehingga kini: RM47,194,523.61

Baki kerja : RM39,286,563.39

### **Kos Keseluruhan Hospital Bera**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Nilai (RM)</b>
1.0	Kos Projek Diluluskan	126,454,616.00
	Fasa 1 ATDA (Kerja Tanah) RM 5,000,000.00	
	Fasa 2 ATDA (Kerja Bangunan) RM 101,019,034.10	
	Medical Equipment RM 20,435,581.90	
2.0	Pelarasan Kos	158,860,000.00
	Fasa 1 ATDA (Kerja Tanah) RM 5,000,000.00	
	Fasa 2 ATDA (Kerja Bangunan) RM 133,424,418.10	
	Medical Equipment RM 20,435,581.90	
	<b>KENAIKAN KOS</b>	<b>32,405,384.00</b>

### **Kenaikan Kos Mengikut Item ATDA Fasa 2 (Tender Semula) tanpa peralatan perubahan Hospital Bera**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Nilai (RM)</b>
1.0	Kos Kontrak	
	Tender Semula	63,930,000.00
	GST	3,835,800.00
	Telah Belanja	47,194,523.61
	Jumlah	114,960,323.61
	(Tolak Kontrak Asal)	88,000,000.00
	<b>Kenaikan Kos Kontrak</b>	<b>26,960,323.61</b>
2.0	Yuran Perunding	
	Kos Keseluruhan (MOA + Tender Semula)	18,049,094.49
	(Tolak Kontrak Yang Ditamatkan)	11,960,035.00
	<b>Kenaikan Kos Perunding</b>	<b>6,089,059.49</b>
	<b>Jumlah</b>	<b>33,049,383.10</b>
	<b>-Variation Of Price</b>	<b>643,999.10</b>
	<b>JUMLAH KENAIKAN KOS BAGI FASA 2</b>	<b>32,405,384.00</b>

**Variation Order (VO)** bagi Hospital Rembau adalah sebanyak RM16.8 juta. Manakala, Hospital Petra Jaya dan Hospital Sri Aman tiada kenaikan kos buat masa ini.

## SOALAN ( 43 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 NOVEMBER 2017  
[ SELASA ]

DARIPADA : YB DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI  
[ BAGAN SERAI ]

SOALAN :

**YB DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI [ BAGAN SERAI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai Dasar Transformasi Negara yang mendasari RMK-11 menekankan keperluan pembangunan negara bersifat 'people's economy' dan 'capital economy' dalam erti kata pertumbuhan yang meningkatkan kecanggihan ekonomi negara dan dalam masa yang sama memanfaatkan rakyat. Sejauh manakah kedua-dua matlamat ini telah dicapai.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memberi keutamaan kepada ekonomi berteraskan rakyat, dengan izin *people economy* dalam agenda pembangunan negara, selaras dengan tema Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMKe-11) iaitu "Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat". Ia bertujuan untuk mengukuhkan komitmen Kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat bagi memastikan aspirasi Kerajaan ke arah negara maju dan inklusif tercapai.

Selain daripada enam teras strategi dan enam pemacu perubahan, RMKe-11 yang lebih menjurus kepada peningkatan kesejahteraan rakyat, buat pertama kalinya telah mensasarkan pembangunan negara bukan sahaja berasaskan semata-mata pertumbuhan ekonomi dan pendapatan per kapita, malah ia juga mengambil kira pendapatan isi rumah dan indeks kesejahteraan rakyat. Ini bertujuan untuk menentukan impak pertumbuhan ekonomi negara yang positif kepada kesejahteraan rakyat.

Pada tahun 2016, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar menyederhana kepada 4.2% berikutan persekitaran luar yang tidak menentu. Walaupun kadar pertumbuhan ini lebih rendah berbanding dengan sasaran yang ditetapkan dalam RMKe-11, pencapaian ini merupakan prestasi yang masih kukuh memandangkan negara menghadapi persekitaran ekonomi dunia yang mencabar dengan penyederhanaan ekonomi rakan dagang utama seperti Amerika Syarikat dan China serta harga minyak mentah yang rendah. Namun begitu, ekonomi negara semakin pulih dengan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.7% bagi separuh pertama 2017 dan dijangka akan terus mengukuh dalam tempoh masa terdekat.

Pertumbuhan ekonomi semasa telah menyumbang kepada peningkatan dalam pendapatan isi rumah. Purata pendapatan bulanan isi rumah telah bertambah sebanyak 6.4% setahun bagi tempoh 2014-2016, iaitu daripada RM6,141 pada tahun 2014 kepada RM6,958 pada tahun 2016. Kumpulan isi rumah 40% terbawah (B40) turut menyaksikan pendapatan mereka bertambah sebanyak 6.0% daripada RM2,537 kepada RM2,848. Di samping itu, jurang pendapatan antara bandar dengan luar bandar juga telah dirapatkan dengan nisbah purata pendapatan bandar kepada luar bandar bertambah baik daripada 1.78 pada tahun 2014 kepada 1.76

pada tahun 2016. Pencapaian ini telah menyumbang kepada pengurangan insiden kemiskinan keseluruhan kepada 0.4% pada tahun 2016 berbanding dengan 0.6% pada tahun 2014.

Sementara itu, pekali Gini yang mengukur ketidakseimbangan pendapatan negara telah mencatat penurunan daripada 0.401 pada tahun 2014 kepada 0.399 pada tahun 2016. Ini menunjukkan pengagihan pendapatan dalam ekonomi yang bertambah baik. Pencapaian ini adalah setanding dengan ekonomi maju seperti Amerika Syarikat (0.380), malah lebih baik berbanding dengan Hong Kong (0.420) dan Singapura (0.402).

Bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat, Kerajaan akan meneruskan usaha bagi mengukuhkan lagi asas ekonomi negara bagi membolehkan negara terus mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi yang ditetapkan. Bagi tujuan ini, empat strategi telah dikenal pasti dalam RMKe-11, seperti berikut:

1. Meningkatkan produktiviti untuk memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif;
2. Menggalakkan pelaburan untuk menerajui pertumbuhan ekonomi;



3. Meningkatkan eksport bagi menambah baikimbangan perdagangan; dan
4. Meningkatkan fleksibiliti dasar fiskal untuk memastikan kedudukan fiskal yang mampan.

Di samping itu, bagi memastikan pertumbuhan pendapatan isi rumah adalah selari dengan pertumbuhan ekonomi, pelbagai strategi telah dikenal pasti di bawah RMKe-11 seperti berikut:

1. Membesarkan saiz masyarakat kelas menengah;
2. Meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi dan latihan kemahiran;
3. Meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden;
4. Meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu; dan
5. Memperluas program pelaburan untuk meningkatkan pemilikan kekayaan

Sekian, terima kasih.

7 November 2017

Soalan ( 44 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 NOVEMBER 2017  
[ SELASA ]

DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN  
NIK ABDUL AZIZ  
[PASIR MAS]

**SOALAN :-**

**YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan langkah bagi memastikan golongan M40 turut dapat berpeluang memiliki rumah tersebut pada harga yang sesuai dan pembiayaan daripada bank.**

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin dengan isu ketidakmampuan rakyat terutamanya golongan M40 untuk memiliki rumah pada masa kini. Justeru, Kerajaan telah menyediakan beberapa skim bantuan perumahan bagi meningkatkan kemampuan rakyat, khususnya M40 untuk memiliki rumah seperti berikut :

**a) Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit)**

- i. Skim ini merupakan skim pembiayaan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT);
- ii. Sasaran adalah golongan berpendapatan di antara RM3,000 sehingga RM10,000 sebulan yang ingin membeli rumah pertama dari pasaran utama mahupun sekunder (sub-sale);

- iii. disediakan khusus untuk pembelian rumah yang berharga di bawah RM500,000 seunit dari mana-mana projek perumahan swasta yang berlesen dengan KPKT;
- iv. pemohon yang layak akan diberi pembiayaan deposit sebanyak 10% daripada harga jualan rumah atau maksima RM30,000 atau yang mana terendah; dan
- v. pembayaran deposit ini akan dibuat melalui Akaun Pemajuan Perumahan (bagi projek baharu) atau Akaun Peguam Jual Beli Pembeli (bagi pembelian sub-sale).

**(b) Skim Rumah Pertamaku (SRP)**

- i. Skim ini merupakan skim pembiayaan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia;
- ii. Pemohon akan mendapat pembiayaan sehingga 100% **daripada institusi kewangan** untuk membeli rumah pertama tanpa perlu membayar 10% wang pendahuluan;

- (11)
- iii. nilai hartanah yang boleh dibeli bermula pada harga RM100,000 hingga RM500,000; dan
  - iv. permohonan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia, khususnya yang bekerja dalam sektor swasta termasuk badan berkanun yang tidak mendapat kemudahan pembiayaan perumahan Kerajaan.

**(c) Skim Perumahan Belia (SPB)**

- i. Skim ini merupakan skim pembiayaan di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN);
- ii. Tujuan SPB adalah untuk membantu para belia memiliki rumah sendiri dan ianya terhad kepada 20,000 unit rumah sahaja berdasarkan konsep 'siapa cepat dia dapat';
- iii. SPB terbuka kepada pasangan berusia antara 25 dan 40 tahun yang berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM10,000 sebulan dan **BSN akan menyediakan pinjaman perumahan** antara RM100,000 hingga RM500,000 dengan tempoh bayaran

balik sehingga 35 tahun atau umur 65 tahun tertakluk kepada mana terdahulu; dan

- iv. bantuan bayaran ansuran bulanan sebanyak RM200 untuk 2 tahun pertama bermula daripada pengeluaran pembiayaan yang pertama dan pengecualian duti setem sebanyak 50 % ke atas dokumen pembiayaan juga diberikan.
- v. Skim akan berakhir pada 31 Disember 2017.

Langkah-langkah yang telah disenaraikan di atas menunjukkan bahawa Kerajaan komited dalam membantu meningkatkan keupayaan rakyat dalam pemilikan rumah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017